



# PEMBERITAHUAN

## KAJIAN INTERNET DIAL-UP 2012

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menjalankan **Kajian Internet Dial-up 2012** untuk mengumpul data berkaitan dengan penggunaan Internet menerusi dial-up.

Ini adalah sebahagian daripada penyelidikan SKMM berkaitan penggunaan Internet di Malaysia. Secara langsung, kajian ini akan membantu menambahbaik program Internet SKMM dengan meningkatkan penggunaan jalur lebar.

Kajian ini akan dijalankan melalui telefon sepenuhnya dan akan bermula pada **6 Oktober 2012** sehingga **31 Oktober 2012**. Pungutan data akan berlangsung dari **jam 9.00 pagi** hingga **jam 5.00 petang** pada setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad kecuali hari-hari kelepasan am Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Selangor. Pelanjutan tempoh kajian, sekiranya perlu, akan diumumkan dalam laman web SKMM.

Kajian ini bertujuan mengumpul maklumat dan bukan menjual barang atau mengutip wang. Responden akan dipilih secara rawak oleh komputer berdasarkan nombor telefon. Walaupun penyertaan adalah secara sukarela, kami memohon kerjasama daripada orang awam agar dapat memberikan maklumat seperti yang dikehendaki. Maklumat yang dikumpul tidak akan dihebahkan kepada mana-mana pihak dan akan digunakan untuk kiraan statistik di peringkat kebangsaan semata-mata.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
Off Persiaran Multimedia, 63000 Cyberjaya, Selangor  
(u/p: Jabatan Statistik)**

**Tel: +603 86 88 84 57 / +603 22 72 66 66**

**Faks: +603 86 88 10 50**

**[www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)**